

**NO SOALAN :56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.03.2015**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ] minta MENTERI  
KEWANGAN menyatakan :-**

- a. jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk tujuan iklan di akhbar-akhbar arus perdana untuk tempoh lima tahun yang lepas; dan
- b. pecahan jumlah yang dibelanjakan untuk iklan dalam setiap surat khabar yang berkaitan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bermula dari tahun 2010 hingga 20 Mac 2015 Kementerian Kewangan telah membelanjakan hampir RM10 juta untuk menyiarkan iklan di akhbar-akhbar arus perdana untuk tujuan kempen yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan. Purata perbelanjaan tahunan Kementerian Kewangan Malaysia adalah sekitar RM2 juta bagi tempoh 2010 hingga Mac

2015. Antara isu-isu komunikasi yang dijalankan oleh Kementerian Kewangan pada 2010 – Mac 2015 adalah seperti:

- Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)
- Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M),
- Intipati Bajet,
- Sisipan Khas Mengenai Ekonomi Malaysia
- Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Keperluan program-program pengiklanan adalah bertujuan untuk mewar-warkan kepada rakyat mengenai dasar dan polisi kerajaan serta rasional dan pelaksanaannya.

Surat khabar yang telah memberi perkhidmatan liputan media dalam media arus perdana di antara lain ialah NSTP, The Star, China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan dan Utusan Malaysia.